

Persepsi Pelajar Sekolah Agama Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam : Kajian Di Sekolah Menengah Al-Amin Gombak, Selangor

Othman Bin Napiah & Munada Binti Mohamad Rodi

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi pelajar sekolah agama terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah Sekolah Menengah Al-Amin Gombak, Selangor. Seramai 132 orang responden telah terlibat dalam kajian ini yang dipilih secara rawak. Dalam kajian ini juga, penyelidik menggunakan set soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini mengandungi 30 item berbentuk soalan yang disusun berdasarkan Skala Likert. Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah $\alpha = 0.901$. Kaedah analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Hasil dapatan daripada set soal selidik yang diedarkan telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 12.0 for Windows*. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam ini adalah positif dengan nilai min 4.39. Begitu juga dengan kepentingan mata pelajaran Pendidikan Islam, nilai min adalah 4.36 dan faktor-faktor penentu minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan nilai min 3.85, juga memberikan respond yang positif. Min keseluruhan yang diperolehi adalah 4.21 iaitu berada pada tahap tinggi. Penyelidik telah mengutarakan beberapa cadangan untuk dijadikan panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk diambil perhatian. Diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Katakunci : persepsi pelajar, Pendidikan Islam

Pengenalan

Di Malaysia, pelaksanaan Pendidikan Islam di dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan adalah berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung di dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan dalam Akta Pelajaran 1961. Perakuan-perakuan di dalam ketiga-tiga Penyata Akta tersebut telah memperuntukkan supaya agar semua sekolah yang mempunyai 15 atau lebih murid Islam wajib mengajarkan mata pelajaran agama Islam. Hasil daripada perakuan tersebut, pada peringkat awalnya mata pelajaran Pendidikan Islam telah diajar di luar jadual waktu persekolahan (di waktu petang). Pada tahun 1962 barulah mata pelajaran Pendidikan Islam dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajarannya sebanyak 120 minit seminggu (Abd. Rauf Dalip, 1984:1).

Pada akhir tahun 1980-an merupakan tahun reformasi dan penjelmaan kembali Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Negara. Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dengan berani telah menjadikan “kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan” sebagai teras dan dasar penjurusan segala aktiviti pendidikan. Malahan tidak keterlaluan jika FPN telah mendokong cita-cita dan hasrat Falsafah Pendidikan Islam. FPN telah meletakkan ‘pembinaan insan seimbang’ dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani ke arah melahirkan insan sepadu yang tunduk dan patuh kepada Tuhan (Ahmad Mohammad Salleh, 2004:55).

Mulai tahun 2000, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyemak semula Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam sejajar dengan semua mata pelajaran lain dalam kurikulum kebangsaan. Sukatan Pelajaran Kurikulum Semakan Pendidikan Islam telah dibetangkan kepada

YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2001 (Unit Kurikulum Pendidikan Islam Teras, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral:125).

Penyataan Masalah

Daripada latar belakang masalah yang dinyatakan di atas, penyelidik merasakan perlunya mengkaji apakah persepsi pelajar sekolah agama terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah memandangkan banyaknya penglibatan remaja dalam masalah sosial menggambarkan remaja bermasalah dalam Pendidikan Islam.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

1. Untuk mengetahui persepsi pelajar sekolah agama terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah.
2. Untuk mengetahui kepentingan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah.
3. Untuk mengetahui apakah faktor penentu kepada minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada beberapa pihak, antaranya:

Kementerian Pendidikan

Kementerian perlu membuat penyelidikan tentang keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah. Adakah silibus yang digariskan memadai ataupun perlu penambahbaikan agar ia selaras dengan kehendak semasa.

Guru-guru

Memberi kesedaran kepada guru tentang perlunya penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar semasa di sekolah mahupun di luar sekolah. Mereka juga berperanan dalam mengukuhkan pendidikan agama di kalangan pelajar. Guru sebagai “role model” seharusnya mengaitkan ilmu dalam Pendidikan Islam dan penghayatannya dalam kehidupan seharian. Guru yang terlatih dan berpengalaman dapat menanamkan nilai akhlak melalui Pendidikan Islam ataupun secara pengajaran nilai akhlak merentas kurikulum.

Ibu Bapa

Memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa pentingnya peranan mereka dalam pendidikan agama kepada anak mereka sejak anak itu masih kecil hingga dewasa. Mereka juga perlu menjadi “role model” kepada anak-anak dalam pembentukan peribadi anak mereka. Mereka tidak seharusnya menyerahkan tugas mendidik kepada guru di sekolah semata-mata. Oleh yang demikian, mereka perlu memantau dan mengawasi anak-anak mereka dari masa ke semasa agar anak-anak tersebut tidak terpesong dari landasan yang sebenar.

Pelajar

Memberi kesedaran dan kefahaman kepada pelajar tentang peranan mereka kepada negara dan agama. Ini kerana merekalah nanti yang akan menggantikan kepimpinan yang ada pada masa akan datang. Oleh yang demikian, kesedaran golongan ini terhadap kepentingan Pendidikan Islam perlu diterapkan seawall mungkin untuk melahirkan pemimpin yang memiliki akhlak yang baik dan sentiasa menegakkan kebenaran dalam usaha memakmurkan alam ini.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif. Penyelidikan diskriptif menurut Mohd Majid Konting (2005:96) adalah merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku. Dalam kajian ini penyelidik menerangkan fenomena dengan menganalisis data yang didapati daripada soal selidik. Ia juga adalah untuk mengetahui persepsi pelajar sekolah agama terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Bentuk soal selidik dalam kajian ini adalah merupakan soalan-soalan persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah, kepentingan mata pelajaran Pendidikan Islam dan faktor-faktor penentu minat pelajar terhadap mata pelajaran ini.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data kajian. Menurut Mohd Majid Konting (2005:21) soal selidik adalah merupakan cara yang sering digunakan di dalam bidang pendidikan. Tambahan pula penggunaan soal selidik membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang banyak dengan perbelanjaan yang sedikit berbanding penggunaan instrumen yang lain.

Disamping itu, soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Menurut Mohd Majid Konting (1995:205) soalan tertutup memerlukan subjek memahami soalan atau pernyataan di mana ia berdasarkan arahan yang diberi di dalam soal selidik. Subjek juga dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat berasaskan kepada cadangancadangan jawapan untuk soalan yang dikemukakan. Semua data yang diperolehi akan dianalisis secara kuantitatif iaitu menggunakan angka, skor dan kekerapan.

Sampel Kajian

Menurut Mohd Majid Konting (1995:58) populasi ialah satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Manakala responden pula menurut Kamus Dewan (2002:1134) merupakan orang yang memberikan maklumat iaitu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam sesuatu kegiatan kaji selidik.

Populasi dan sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar tingkatan satu dan tingkatan dua Sekolah Menengah Al-Amin Gombak, Selangor bagi sesi pengajian 2008/2009. Rasional pemilihan responden ini pula adalah kerana kedua-dua kelompok ini merupakan pelajar yang wajib mengikuti mata pelajaran pendidikan Islam KBSM sebagai salah satu subjek teras dalam silibus pembelajaran mereka.

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada 244 orang pelajar yang berada di tingkatan satu hingga dua dan pemilihan mereka adalah secara rawak mudah. Rawak mudah menurut Mohd Majid Konting (1995:73) merupakan proses mengambil atau menggunakan sampel apabila tiap-tiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih bagi mewakili populasi. Dalam kajian ini, penyelidik memilih pelajar tingkatan satu hingga dua sebagai populasi kajian yang terdiri dari tingkatan satu empat kelas manakala tingkatan dua juga empat kelas. Bilangan pelajar ini akan diterangkan seperti jadual 1

Daripada jadual tersebut menerangkan tentang jumlah populasi dan responden mengikut tingkatan. Dalam jadual di atas, jumlah kelas bagi tingkatan satu dan tingkatan dua adalah sama iaitu sebanyak empat kelas. Dalam kajian ini, penyelidik mengambil 54% daripada populasi sebagai sample kajian. Ini kerana menurut Mohd Najib (1999:38) persampelan diambil 30% daripada jumlah populasi adalah sudah mencukupi.

Persempelan menurut Mohd Majid Konting (2005:63) merupakan strategi penyelidikan apabila penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sebahagian individu yang diambil melalui persempelan bagi mewakili populasi yang dikaji dinamakan sebagai sampel. Penyelidik akan memilih responden dari semua kelas tingkatan satu hingga dua untuk menjadikan kajian mencapai jumlah 54% daripada jumlah populasi. Jumlah 54% daripada jumlah keseluruhan populasi ialah seramai 132 orang pelajar.

Jadual 1 : Jumlah Populasi dan Responden Mengikut Tingkatan

Bil	Tingkatan	Jumlah	Bil. Responden (daripada 54 %)
1	Tingkatan Satu At-Tabari	30 orang	16 orang
2	Tingkatan Satu Ibn Basir	28 orang	15 orang
3	Tingkatan Satu Urwah	29 orang	16 orang
4	Tingkatan Satu Al-Khutubi	31 orang	17 orang
5	Tingkatan Dua Sufian	32 orang	17 orang
6	Tingkatan Dua Hassan	34 orang	18 orang
7	Tingkatan Dua Maliki	31 orang	17 orang
8	Tingkatan Dua Osman	29 orang	16 orang
	JUMLAH	244 orang	132 orang

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data primer dalam kajian ini adalah borang soal selidik bagi memenuhi objektif kajian. Maklumat yang diperolehi akan dinilai mengikut aspek yang telah ditentukan dan ditafsirkan secara kuantitatif. Kuantitatif menurut Mohd Najib (1999:34) adalah berdasarkan kuantiti seperti menggunakan angka, skor dan kekerapan.

Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik yang hampir keseluruhannya diambil dan diubah suai dari soal selidik yang pernah digunakan dalam:

1. Tesis Sarjana Muda Kamaliah Hj Mohd Zabidi (1999) bertajuk, "*Persepsi Peajar Terhadap Pendidikan Islam: Kajian Ke Atas Pelajar-pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 8, Changkat Jering, Taiping Perak.*"
2. Tesis Sarjana Muda Muhammad Kamil bin Mat Zin (2001) bertajuk, "*Minat dan Motivasi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam KBSM: Satu Kajian Ke Atas Pelajar-pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Adang, Gelang Patah, Johor Bahru, Johor.*"

Instrumen kajian ini mengandungi 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A bertujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan profil responden. Ia memerlukan responden menandakan salah satu pilihan jawapan dan soalan bebas iaitu mengisi tempat kosong.

Seterusnya bahagian B, C dan D menggunakan kaedah lima Skala Likert, iaitu responden dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohd Najib, 1999:97). Dalam bahagian ini, responden dikehendaki menandakan jawapan berdasarkan skala seperti dalam jadual 2:

Jadual 2 : Skala Likert

Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
1	2	3	4	5

Jadual 3: Maklumat pembahagian soal selidik

Bahagian	Soalan-soalan	Bil. Item	Positif	Negetif
A	Latar belakang responden	6	1,2,3,4,5,6	-
B	Persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam	10	1,2,3,5,6,7,9, 10	4, 8
C	Kepentingan mata pelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar	10	11,12,13,15, 16,17,18,19	14, 20
D	Faktor-faktor penentu minat di kalangan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam	10	22,23,24,25, 26,27,28,30	21, 29

Menurut Mohd Najib (1999:98) menyatakan bahawa skala likert mempunyai lima item iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Menurut Majid Konting pula (2000:200) bagi kenyataan positif, permorkatan boleh dilakukan dengan meletakkan skala “1” mewakili sangat tidak setuju(STS), skala “2” mewakili tidak setuju (TS), skala “3” mewakili tidak pasti ataupun neutral(TP), skala “4” mewakili setuju (S) dan skala “5” mewakili sangat setuju (SS). Manakala bagi kenyataan negetif, meletakkan markah “1” kepada sangat setuju, markah 2 kepada setuju, markah “3” kepada tidak pasti, markah “4” kepada tidak setuju dan markah “5” kepada sangat tidaksetuju. Menurut beliau lagi, pemorkatan yang setara

terhadap gerak balas butir perlu diperhatikan untuk mengandaikan bahawa setiap butir mempunyai keteguhan yang sama dengan butir-butir yang lain.

Secara keseluruhannya, bilangan item dan nombor item bagi bahagian B, C dan D ialah seperti dalam Jadual 3.

Kajian Rintis

Menurut Mohd Majid Konting (2005:218) kajian rintis dijalankan ke atas sekumpulan subjek akan cuba untuk menjawab soal selidik yang mana kumpulan itu haruslah setara dengan subjek yang akan dikaji. Hal ini adalah untuk memastikan kesesuaian arahan dan format yang digunakan. Melalui kajian ini, kesesuaian dan ketepatan soalan serta format yang digunakan dapat dikenal pasti serta kelemahankelemahan yang kecil meskipun hal remeh temeh perlu diperbaiki untuk memastikan penghasilan soal selidik yang bermutu.

Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 10 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Al-Amin Gombak, Selangor. Rasional pemilihan sampel untuk kajian rintis ini kerana pelajar-pelajar ini pernah mengikuti dan mengetahui silibus yang terkandung dalam mata pelajaran ini. Hasil kajian rintis yang telah penyelidik jalankan, nilai alpha yang diperolehi adalah 0.901 yang dianalisis menggunakan *SPSS versi 12.0*.

Analisis Data

Jadual 4 : Rumusan dapatan kajian terhadap persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (* item berbentuk negatif telah diubah skor kepada positif)

No	Item	Positif		TP		Negetif		Min
		K	%	K	%	K	%	
1	Pendidikan Islam adalah suatu mata pelajaran yang penting.	130	98.48	2	1.52	-	-	4.73
2 *	Saya merasakan mata pelajaran ini adalah mata pelajaran yang mudah, jadi saya tidak perlu mengulangkaji dengan tekun subjek ini.	76	57.58	44	33.33	12	9.09	3.63
3	Pengetahuan Islam yang saya perolehi menjadikan saya seorang mukmin yang bertakwa kepada Allah.	121	91.67	10	7.58	1	0.76	4.39

4 *	Tanpa pengetahuan Islam pun saya boleh berjaya dalam hidup.	122	92.42	8	6.06	10	7.58	4.60
5	Pengetahuan Islam yang saya perolehi di sekolah sangat sesuai diamalkan dalam kehidupan seharian.	123	93.18	7	5.3	2	1.6	4.41
6	Pendidikan Islam mampu melahirkan individu yang sempurna dalam semua aspek sama ada rohani atau jasmani.	121	91.67	10	7.58	1	0.76	4.45
7	Pendidikan Islam bermula sejak zaman Rasulullah diutuskan menjadi Rasul.	85	64.39	37	28.03	10	7.58	4.00
8 *	Semua isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam tidak sesuai diamalkan kerana ia sudah ketinggalan zaman.	127	96.21	2	1.25	3	2.27	4.77
9	Fardu Ain adalah perkara-perkara yang dituntut individu dan wajib ditunaikan.	124	93.94	6	4.55	2	1.25	4.67

10	Fardu Kifayah adalah tanggungjawab individu bagi membangunkan masyarakat, bangsa dan negara.	103	78.03	22	16.67	7	5.30	4.21
Purata Min Keseluruhan								4.39

n = 132

Jadual 4 menunjukkan taburan min bagi persoalan kajian berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan keputusan yang telah dianalisis, nilai min secara keseluruhannya menunjukkan nilai min bagi item 9 merupakan nilai min yang tertinggi iaitu 4.67. Manakala nilai min yang terendah adalah nilai min bagi item 2 iaitu 3.63.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, min keseluruhan bagi persoalan kajian yang pertama ialah 4.39 iaitu berada di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Perbincangan

Berdasarkan jadual 4 iaitu mengenai tanggapan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan suatu mata pelajaran yang penting, penyelidik mendapati bahawa majoriti responden mempunyai persepsi yang baik terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini terbukti melalui nilai min yang diperolehi menerusi item 1 iaitu berkenaan dengan pernyataan “Pendidikan Islam adalah suatu mata pelajaran yang penting”. Nilai min bagi item ini adalah tinggi iaitu 4.73 dan ini menunjukkan responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini selaras dengan dapatan dari kajian Mahfudzah (2002:54) yang mendapati bahawa sebahagian besar responden mempunyai persepsi positif terhadap Pendidikan Islam. Manakala sebanyak 97.6% responden menyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam adalah penting kepada mereka.

Manakala dalam item 2 pernyataan “Saya merasakan mata pelajaran ini adalah mata pelajaran yang mudah, jadi saya tidak perlu mengulangkaji dengan tekun subjek ini” min yang diperolehi ialah 3.63 iaitu berada pada tahap sederhana. Majoriti responden memberikan respons yang negatif terhadap pernyataan ini. Walaupun responden merasakan mata pelajaran ini mudah, namun penumpuan yang serius akan menambahkan penghayatan serta kejayaan pelajar dalam subjek ini. Ini dapat dibuktikan dengan keputusan peperiksaan responden di mana seramai 48 orang responden (36.4%) mendapat keputusan yang cemerlang dalam subjek ini.

Seterusnya item 3 menyatakan “Pengetahuan Islam yang saya perolehi menjadikan saya seorang mukmin yang bertakwa kepada Allah” mendapat min 4.39. dan item 5, pernyataan “Pengetahuan Islam yang saya perolehi di sekolah sangat sesuai diamalkan dalam kehidupan seharian” mendapat min sebanyak 4.41. Kedua-dua item ini adalah berkaitan dengan pengetahuan Islam pelajar. Sememangnya objektif Pendidikan Islam dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM (2002:2) telah meletakkan bahawa pengetahuan agama yang diperolehi akan memantapkan keyakinan pegangan akidah Islamiah serta menghidupkan konsep tauhid secara sedar dalam keseluruhan amalan dan menjadi benteng keagamaan. Manakala dapatan dari kajian Mohamad Maliki (1999:84) sukatan mata pelajaran ini sudah mencukupi dan merangkumi semua aspek kehidupan pelajar.

Manakala Item 4 bertentangan dengan pernyataan item 3 dan item lima di mana pernyataan yang menyatakan bahawa “Tanpa pengetahuan Islam pun saya boleh berjaya dalam hidup” min yang diperolehi adalah 4.98. Ini menunjukkan bahawa pelajar majoritinya tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan dapatan 122 orang responden memberikan respons negatif.

Melalui item 6, pernyataan “Pendidikan Islam mampu melahirkan individu yang sempurna dalam semua aspek sama ada rohani atau jasmani” nilai min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.45. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tanggapan yang positif dan ini bertepatan dengan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri di mana Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, berilmu, berketerampilan, beramal soleh beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun dan Negara (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM, 2002:2). Kenyataan ini juga disokong oleh dapatan dari kajian Khadijah Abdul Razak (1999:64) yang mendapati bahawa pendidikan Akhlak membentuk insan Muslim yang beriman dan bertakwa, yang boleh berfikir secara rasional, membuat pertimbangan dan mengambil sesuatu tindakan yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam secara sukarela tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak.

Bagi item 7 pula, pernyataan “Pendidikan Islam bermula sejak zaman Rasulullah diutuskan menjadi Rasul” hampir separuh daripada responden bersetuju dengan pernyataan ini iaitu 64.4%. Sememangnya, dalam sejarah, Pendidikan Islam itu bermula sejak Rasulullah menjadi Rasul. Pendapat ini diakui sendiri oleh Ahmad Mohd Salleh (2004:38) bahawa Pendidikan Islam bermula dengan penurunan ayatayat al-Quran kepada Rasulullah s.a.w di Gua Hira’. Ini menunjukkan bahawa Pendidikan Islam bermula apabila Rasulullah s.a.w. mula diutuskan menjadi rasul.

Manakala pernyataan 8 merupakan item negatif iaitu “Semua isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam tidak sesuai diamalkan kerana ia sudah ketinggalan zaman”. Respons positif yang menyatakan responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini adalah tinggi iaitu 96.2% dengan nilai min 4.77. Ini menunjukkan responden mengakui bahawa silibus dan isi kandungan mata pelajaran yang mereka belajar ini sesuai mengikut peredaran zaman dan sesuai diamalkan hingga ke hari ini. Dapatan daripada kajian Kamarul Bahariyah (1999:59) mendapati bahawa pelajar menunjukkan sikap yang positif pada tahap yang sederhana terhadap Pendidikan Islam khususnya pendidikan akhlak di mana mereka berpendapat bahawa Pendidikan Akhlak adalah satu pembelajaran yang isi kandungannya menyentuh permasalahan masa kini dan bersesuaian dengan isu-isu semasa.

Akhir sekali, item 9 dan 10 berkaitan dengan fardu ain dan fardu kifayah hampir keseluruhan responden memberikan respons positif terhadap pernyataan tersebut. Ia dibuktikan dengan dapatan nilai min bagi kedua-dua item iaitu 4.67 dan 4.21 berada ditahap yang tinggi. Ini menunjukkan keseluruhan responden memahami dengan jelas konsep sebenar fardu Ain dan fardu kifayah tersebut.

Rujukan

- Azhar Yusuf (2007). *Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azizi et.al (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Faridah dan T. Subahan (1993). *Strategi Pusat Sumber Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Ghazali dalam Jurnal Pendidikan Islam (bil.2, Oktober 1984)Jurnal Pendidikan Islam. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia. (ABIM).
- Ghazali Darusalam (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Kamaliah Hj Mohd Zabidi (1999). *Persepsi Peajar Terhadap Pendidikan Islam: Kajian Ke Atas Pelajar-pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 8, Changkat Jering, Taiping Perak*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Kamarul Bahariyah Bt. Salleh (1999). *Persepsi Terhadap Pendidikan Islam (Akhlak Islamiah) dan Kaitannya Dalam Pembentukan Akhlak: Satu Tinjauan Di Kolej Islam Melaka*. Tesis Sarjana Muda.Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Kamus Dewan*.(2003). (Ed.2). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Abdul Razak(1999). *Pendidikan Akhlak: Konsep dan Peranannya Dalam Pembentukan Insan*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahfudzah Hasan (2002). *Pencapaian Akademik Mata Pelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah Menengah Dato' Jaafar Bagi Pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zuhairi Safuan. Pandangan Fazlur Rahman Terhadap Beberapa Isu Dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Tasawwur Islam*. 2000. (Jil. 4): 163-172.
- Sidek Baba (2007). *Penguasaan Ilmu Pengetahuan*.(cet.2). Putrajaya: Siri Penerbitan Pendekatan Islam Hadhari.
- Yusuf Syukri Furhat (2003). *Mu'jam At-Tullab*. Beirut: Dar Al-Kotob Al-Ilmiyah.
- Zakaria Hj Omar (2002). *Ayat Ahkam Bhg 1*. Pustaka Haji Abdul Majid: Kuala Lumpur.